



GEREJA HOLY FAMILY, KAJANG
11, JALAN GEREJA, 43000 KAJANG
Tel: 03-87387404/ 03-87331154
<http://www.hfckajang.org.my>
email: holyfamily@archkl.org



Scan for updates

Waktu Urusan Pejabat Paroki
Isnin -Jumaat – 9.00PG - 5.00PTG
Sabtu – 9.00PG - 1.00PTG
Ahad & Cuti Umum - TUTUP

PADERI PAROKI : REV.FR.MICHAEL CHUA
PEMBANTU PADERI : REV.FR.PHILIP CHUA
PEMBANTU PADERI : REV.FR.BONAVENTURE

MINISTRI KAMPUS HFK (UNIVERSITI/KOLEJ)
SR. MARGARET PEREIRA RGS
marge.0190705@gmail.com

MISA DI PAROKI

Hari	Tarikh	Masa	Aktiviti	Deskripsi
Sabtu	03 Jan	7.00am 5.30pm 6.00pm 6.00pm 7.30pm	Misa Bah. Inggeris Novena untuk Bonda Penolong Abadi Misa Bah. Inggeris Misa di Chapel St Anthony, Serdang Misa di UPM	Nama Yesus Yang Tersuci
Ahad	04 Jan	7.00am 9.30am 11.30am 1.30pm	Misa Bah. Tamil Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Mandarin Misa Bah. Malaysia	Pesta Penampakan Tuhan
Isnin	05 Jan	7.00am	Misa Bah. Inggeris	Liturgi Harian
Selasa	06 Jan	7.00am	Misa Bah. Inggeris	Liturgi Harian
Rabu	07 Jan	7.00am	Misa Bah. Inggeris	St Raymond (m)
Khamis	08 Jan	7.00am	Misa Bah. Inggeris	Liturgi Harian
Jumaat	09 Jan	7.00am	Misa Bah. Inggeris	Liturgi Harian
Sabtu	10 Jan	7.00am 5.30pm 6.00pm 7.30pm	Misa Bah. Inggeris Novena untuk Bonda Penolong Abadi Misa Bah. Inggeris Misa di UPM	Liturgi Harian
Ahad	11 Jan	7.00am 9.30am 11.30am 1.30pm	Misa Bah. Tamil Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Mandarin Misa Bah. Malaysia	Pesta Pembaptisan Tuhan

Pemberkatan Kapur

Adalah menjadi satu tradisi Gereja Katolik untuk memberkati kapur semasa Misa Penampakan Tuhan, dan kapur yang diberkati digunakan sebahagian daripada pemberkatan rumah pada Tahun Baru bersama Air Suci. Pemberkatan rumah boleh dibuat seperti berikut:

1. Gunakan kapur yang diberkati dan tulis pada pintu masuk rumah seperti berikut:

20+C+M+B+26

2026 untuk tahun; C, M, B adalah singkatan untuk nama tradisi bagi 3 Magi –

Casper, Melchior, dan Balthasar atau boleh mewakili berkat dalam Latin: “Christus Mansionem Benedicat”, yang bermaksud “Semoga Kristus memberkati rumah ini.”

Semasa anda menulis, berdoalah doa ini: **Semoga semua yang datang ke rumah kami pada tahun ini bergembira kerana mendapati Kristus hidup di antara kita; dan semoga kita mencari dan melayani, dalam setiap orang yang kita temui, Yesus yang sama yang adalah Tuhan, selama-lamanya. Amin**

BERITA PAROKI

Selamat Maju Jaya kepada Brother Jescie dan Selamat Datang Brother Clive

Seminari kita, **Brother Jescie Petrus Petu**, mengakhiri tugas pastoral selama setahun bersama kita, kami mengucapkan terima kasih atas kurniaan dirinya dan kesungguhannya untuk paroki ini. Sdr. Jescie akan melanjutkan pengajian teologinya di Kolej St Peter, Kuching. Marilah kita terus berdoa untuknya ketika dia meneruskan pengajian dan bimbingan rohaninya.



Pada masa yang sama kita mengalu-alukan kehadiran, **Brother Clive Leo Singki** dari Diosis Keningau, Sabah, yang akan memulakan tugas pastoral selama setahun di paroki kita bermula pada 1/3/2026. Marilah kita memberikan sokongan sepenuhnya kepada Bro Clive dan membuatkan beliau berasa dialu-alukan sebagai ahli komuniti paroki dan pasukan pastoral kita.

Rachel's Vineyard retreat tahun 2026

Sukacita kami maklumkan bahawa **RACHEL'S VINEYARD** dibawah seliaan **KOMISI KEHIDUPAN KELUARGA KEUSKUPAN** akan menganjurkan satu retreat. RACHEL'S VINEYARD mengalu-alukan SESIAPA sahaja sama ada lelaki atau wanita yang sedang bergelut dengan kesakitan emosi dan rohani akibat pengguguran. Retreat ini direka khas untuk membantu para peserta mengalami belas kasihan, kasih sayang dan rahmat Tuhan yang menyembuhkan. Ia adalah masa merasai rahmat.

Retret berasaskan kitab suci selama 3 hari / 2 malam akan diadakan pada **30 Jan hingga 1 Feb 2026** di Kuala Lumpur. **Tarikh tutup pendaftaran: 5 Januari 2026.**

Sila hubungi Mary (016-4190538) atau email: healinggracerachelsvineyard@gmail.com untuk maklumat lanjut. Semua maklumat perhubungan akan dirahsiakan.



Rachel's Vineyard Retreats

LOVE & LIFE 2026 – GOLONGAN MUDA SESUDAH PENGUATAN

Sertai kami untuk Love & Life 2026, perjalanan iman, penyembuhan, persahabatan dan penemuan diri selama 5 hari di bawah tema "Air Hidup: Pertemuan Nyata, Mentah dan Peribadi" (Yohanes 4:4-42).

Tarikh: 3^{hb} hingga 7^{hb} Februari 2026 (Selasa - Sabtu)

Tempat: Gereja Jesus Caritas, Kepong

Umur: 18-24 tahun

Sumbangan Minima: RM200

Link Pendaftaran: asayokl.my/LNL2026

Tarikh tutup: 25 Januari 2026

Untuk info lanjut sila hubungi: email josephine@asayokl.my / WhatsApp [+60185903889](https://wa.me/60185903889).

TERIMA KASIH ATAS SUMBANGAN ANDA:

20/12 & 21/12
Pungutan Hujung
Minggu:
RM 15,233.00

TERIMA KASIH ATAS
SOKONGAN ANDA.



Maklumat Akaun Paroki:

Account Number

1862012003404

Account holder:

CHURCH OF THE HOLY FAMILY



AmBank

Kelas Kateketikal Dibuka Semula - 11/1/2026

-Pendaftaran pelajar Kateketikal bagi Tahun 1 - 2026
Sila daftarkan anak anda yang berumur 7 tahun untuk Kelas Minggu dengan mengimbas kod QR atau melalui link dibawah:

<https://forms.gle/jhqYQyKJYK36nMSJ9>

-Pelajar dan ibu bapa dikehendaki berkumpul di Dewan Gereja untuk taklimat sebelum kelas bermula

Tamil : 8.30pg

Mandarin : 9.45pg

English : 11pg

Bah. Malaysia : 12 tghari

